


A NUTRIVA® -RIMAU



MAL12085049TC


**Meningkatkan
tenaga
hayat
untuk
kercergasan
badan
anda.**

A-RIMAU – Gabungan Unik Dua Khazanah Negara Malaysia

A-rimau mengandungi ekstrak akar **Tongkat Ali** (100:1) (Paten Amerika Syarikat: 7132117, Paten Kesatuan Eropah: 1313491) yang diuji secara klinikal dan serbuk **Cendawan Susu Harimau** (LiGNO TM02®) yang ditanam secara kultivasi dengan spektrum penuh untuk meningkatkan kesihatan dan tenaga hayat lelaki.

Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*), juga dikenali sebagai ginseng Malaysia banyak ditemui di kawasan Asia Tenggara dan telah digunakan secara meluas sebagai tonik/ sumber tenaga dan remedi untuk melegakan gejala-gejala atau tanda-tanda yang berkaitan dengan testosteron rendah. Ekstrak paten kami yang dihasilkan melalui pengekstrakan air dan pengeringan sejuk beku memenuhi piawaian SIRIM (MS 2409:2011). Pengeluaran ekstrak piawai ini adalah berdasarkan empat kompaun bioaktif dalam akar Tongkat Ali iaitu Eurycomanone, jumlah protein, jumlah polisakarida dan glikosaponin.

Testosteron merupakan hormon seks utama yang bertanggungjawab untuk pembangunan dan penyelenggaraan ciri-ciri jantina lelaki. Wanita juga menghasilkan testosteron tetapi pada tahap yang lebih rendah. Kadar testosteron menurun kira-kira 1-2% setahun selepas umur mencecar 30 tahun. Pada umur 60 tahun, lelaki biasanya hanya mempunyai 40-50% daripada kadar testosteron keseluruhan usia muda dan mungkin lebih rendah yang disebabkan oleh penyakit kronik, beberapa jenis ubat, tekanan hidup dan isu-isu yang berkaitan dengan gaya hidup seperti pemakanan, senaman, dan tabiat tidur. Beberapa perubahan yang mungkin berlaku dengan kekurangan testosteron termasuklah gangguan mood, insomnia, peningkatan kandungan lemak badan, kehilangan jisim otot, kemerosotan kesihatan seksual dan penurunan tahap tenaga.



Cendawan Susu Harimau (CSH) ialah salah satu cendawan perubatan yang disegani dengan sejarah penggunaan lebih daripada 400 tahun di Malaysia. Secara tradisional, ia digunakan untuk **melegakan gejala-gejala penyakit pernafasan seperti batuk, selsema dan resdung**. CSH juga digunakan sebagai tonik kesihatan yang membantu meningkatkan tahap tenaga dan menyokong imuniti. Bahagian ubi (sclerotium) CSH yang tertanam di bawah tanah disahkan mempunyai khasiat yang sangat tinggi. Nilai perubatan CSH akan hilang apabila nutriennya digunakan untuk membentuk batang dan payung. Lagipun spesies liar jarang ditemui dan sukar diperolehi. Penggunaan teknologi penanaman dalam bilik yang dikawal dapat memastikan bekalan yang konsisten dan ia juga dituai pada masa yang sesuai untuk mengekalkan nilai perubatannya. Cendawan Susu Harimau meningkatkan tahap kesihatan secara menyeluruh melalui mekanisme membersih, memulih, menguat dan melindungi.

Berdasarkan Perubatan Tradisional Cina (TCM), keseimbangan Qi (tenaga hayat) penting untuk kesihatan fizikal dan mental yang baik.

Orang yang tidak mempunyai cukup Qi mungkin mempunyai gejala atau tanda berikut:



Sistem pertahanan badan yang kurang baik

Keletihan yang berterusan & kelesuan

Peredaran yang kurang baik

Batuk kronik, selsema & sesak nafas

Kelemahan otot

Stres & kemurungan

A NUTRIVA® - RIMAU

- Menambah tenaga hayat (Qi)
- Meningkatkan stamina dan daya tahan
- Meningkatkan kekuatan otot
- Melegakan batuk, selsema dan resdung
- Menyokong tahap hormon normal
- Menyumbang kepada kecergasan fizikal dan kecerdasan mental
- Pendekatan secara semula jadi dan selamat untuk kesihatan lelaki
- Sesuai untuk vegetarian

Kandungan setiap kapsul:

Serbuk ubi (sclerotium) Cendawan Susu Harimau (<i>Lignosus rhinocerus</i>)	250mg
Ekstrak Akar Tongkat Ali (<i>Eurycoma longifolia</i>)	100mg

Indikasi: Digunakan secara tradisional untuk mempertingkatkan tenaga dan kesihatan lelaki.

Dosej: 1-2 kapsul sayuran sehari. Ambil sebelum makan.

